

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in a bold, white, sans-serif font on a dark blue rectangular background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

02 June 2017

## SUARA MSWG

Penjualan 49.9% saham dalam syarikat pengeluar kereta nasional Proton sudah lama dinantikan selepas banyak percubaan untuk melepaskan pegangan saham itu, kali pertama oleh Khazanah Nasional, kemudiannya kerajaan Malaysia dan DRB-HICOM.

Namun, tidak seperti kata pepatah 'simpan yang terbaik untuk yang terakhir', penjualan kepada syarikat China, Geely perlu dikaji semula untuk melihat impaknya kepada pembayar cukai, pemegang saham DRB dan para vendor.

Jika dilihat dari sudut wang tunai, DRB hanya memperolehi RM170 juta sebagai balasan kepada hampir separuh kepentingan syarikat dalam Proton. Jumlah ini sangat rendah jika dibandingkan dengan kira-kira RM558 juta yang diterima untuk jualan 100% Lotus yang lebih kecil dalam urusniaga seumpamanya. Dalam erti kata lain, jumlah ini tidak berbaloi untuk sebuah syarikat kereta yang pernah meneraju pasaran di Malaysia dan sudah beroperasi lebih tiga dekad.

Antara syarat-syaratnya, usaha sama DRB - Geely Proton ini juga menerima hak ke atas penggunaan SUV Boyue Geely di Malaysia dan di rantau ini. Namun ini adalah suatu platform yang sudah sedia ada yang tidak memerlukan pelaburan kewangan tambahan daripada syarikat China tersebut. Walau bagaimanapun, impaknya mungkin penting kepada vendor Malaysia.

Turut membimbangkan, tidak banyak yang diperkatakan tentang wang tunai yang belum dilaburkan dan/ atau pelaburan bersama dalam platform baharu atau dalam bidang seperti kenderaan berautonomi/ pandu sendiri: suatu segmen pertumbuhan utama yang menjadi pusat pelaburan berbilion ringgit oleh industri yang lebih besar.

Sebaliknya, bahagian tunai yang lebih besar datang daripada gabungan 'pembayaran balik' perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan berjumlah RM1.35 bilion serta pinjaman mudah daripada kerajaan, mencetus persoalan mengapa sebuah syarikat yang sudah diswastakan bertahun-tahun lamanya terus menerima bantuan dan pembiayaan daripada kerajaan.

Kami juga mendapati di bawah syarat-syarat yang diumumkan, DRB juga bertanggungjawab membiayai kos pemindahan operasi pengeluaran ke kilang Tanjung Malim, dan bukannya Geely. Kos ini ternyata bukan sedikit.

Walaupun kawalan majoriti masih dalam tangan Malaysia, pemegang saham DRB dan pembayar cukai Malaysia berhak mengajukan soalan, 'adakah usaha sama ini bermaksud berakhirnya sokongan kewangan kepada Proton?'. Jika jawapannya 'Tidak', soalan berikutnya ialah 'berapa banyak lagi perbelanjaan yang diperlukan?'

Ada beberapa perkara yang membimbangkan, namun perlu diambil perhatian bahawa ia masih lagi hanya satu pakatan niat, misalnya sifat kontrak 'Perjanjian Awal' yang ditandatangani oleh Proton dan Geely. Syaratnya mungkin berbeza kerana kontrak akhir belum dimuktamadkan jadi kami akan terus memerhati perkembangan ini dengan penuh minat.

## **LAGI-LAGI CHINA**

Dalam perkembangan yang agak berkaitan, tindakan luar biasa oleh juruaudit China Automobile Parts Holdings Ltd (CAP) yang menarik balik pendapatnya tentang akaun syarikat yang diaudit bagi tahun kewangan (TK)2015 tidak diterima baik oleh para skeptik yang meragui pertambahan urusan Malaysia dengan China. Juruaudit berkenaan, PKF, menyatakan penyata kewangan CAP bagi TK2015 tidak boleh disahkan berikutan "beberapa" kes litigasi yang tidak didedahkan kepada mereka.

Pada 1 Jun 2017, CAP dan Xingquan International Sports Holdings Limited (Xingquan) mengumumkan bahawa Bursa Malaysia mungkin menggantung perdagangan mereka pada 8 Jun 2017 berikutan kegagalan mengemukakan keputusan suku ketiga dan isu yang belum diselesaikan pada waktu yang ditetapkan.

Perkara ini menambahkan lagi kebimbangan bahawa segelintir syarikat China yang disenaraikan di Bursa Malaysia secara konsisten tidak beroperasi secara telus selain memberikan gambaran yang kurang jelas tentang keadaan dan urusan kewangan syarikat. Semua saham syarikat ini didagangkan di bawah tahap IPO masing-masing.

## **LEBIH PERLINDUNGAN, LEBIH FAEDAH, LEBIH DANA**

Bursa Malaysia baru sahaja melancarkan Skim Penyelidikan Modal Kecil dan Sederhana (MidS), walaupun mengikut pemerhatian kami, wujud persamaan dengan program terdahulu (contohnya 'Skim Penyelidikan CMDF-Bursa (CBRS)' yang dihasilkan sempena Penyelidikan Ekuiti Standard & Poor pada 2005.)

Tidak dinafikan, dahulu hingga sekarang, syarikat kecil yang kurang mendapat liputan dan yang bukan dalam senarai 50 hingga 100 saham teratas, memerlukan perlindungan tambahan dan mudah tunai yang berterusan.

Walau bagaimanapun, lebih banyak maklumat perlu disediakan di sebalik pemilihan kumpulan pertama daripada 100 syarikat bermodal kecil dan sederhana yang menerima perlindungan tambahan. Kegagalan berbuat demikian mewujudkan unsur syak wasangka selain kelebihan yang tidak adil kepada segelintir syarikat yang bertuah.

Berbekalkan hanya pernyataan umum ini: "Syarikat tersenarai awam yang dipilih menjalani proses saringan yang merangkumi kriteria kualitatif dan kuantitatif serta mewakili permodalan pasaran berjumlah RM200 juta hingga RM2 bilion." Tidak banyak maklumat lain yang diberikan selain itu.

Mungkin Pasukan Petugas yang dipengerusikan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang terdiri daripada wakil Bursa Malaysia, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia (MIBA) dan Persatuan Syarikat Broker Saham Malaysia (ASCM) dapat memberikan lebih banyak maklumat berkaitan kriteria pemilihan.

Lebih-lebih lagi kerana segelintir syarikat yang bertuah ini akan menerima suntikan modal tambahan daripada dana modal kecil dan sederhana yang ditubuhkan khas untuk tujuan ini.

## **TINDAKAN PENGUATKUASAAN**

Selaras dengan peranan SC sebagai penguatkuasa dan pemaju pasaran, para pelabur pasti berasa lega apabila membaca pelbagai pertuduhan tentang perdagangan orang dalam dan pendedahan kewangan yang mengelirukan yang dikenakan terhadap pengarah syarikat terbabit seperti Maxbiz, Worldwide Holdings, Welli Multi Corporation dan Megan Media.

Walaupun berita ini mengujakan, peserta pasaran mungkin berpegang kepada pepatah ini: ‘keadilan tertangguh adalah keadilan yang dinafikan’, suatu pepatah undang-undang yang bermaksud jika pembelaan undang-undang sudah disediakan bagi pihak yang mengalami kerugian, tetapi jika pembelaan itu tidak dilaksanakan tepat pada masanya, ia seumpama tiada pembelaan sama sekali.

Walaupun proses mendapatkan bukti dan petunjuk adalah sukar dan memakan masa, pematuhan yang wajar perlu diberikan kepada penguatkuasaan undang-undang yang tepat pada masanya. Tidak kira dari segi peserta baharu atau pertambahan perlindungan dan penguatkuasaan, hanya dengan ketegasan pada semua penghujung rantai nilai pasaran modal akan menarik lebih minat kepada pasaran modal sebagai saluran yang berdaya maju dan selamat untuk pelaburan dan simpanan persaraan.

*PASUKAN MSWG*

*2 Jun 2017*

---

## **PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA**

### ***CHINA AUTOMOBILE PARTS HOLDINGS LIMITED (“CAP”)***

Pada 26 Mei 2017, Bursa Malaysia dimaklumkan oleh juruaudit CAP iaitu PKF Malaysia Sdn Bhd (“PKF”) terdapat sejumlah besar pinjaman dan tindakan undang-undang yang tidak dilaporkan sewaktu pengauditan QuanZhou Fen Sun Automobile Parts Co. Limited (“Fen Sun”), sebuah anak syarikat CAP, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015. PKF juga memberi notis kepada Lembaga Pengarah CAP menyatakan mereka akan mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya untuk menghalang pergantungan kepada laporan juruaudit yang bertarikh 6 April 2016 dalam penyata kewangan syarikat bagi tahun kewangan berakhir 2015.

PKF juga akan meneruskan tindakan dengan memaklumkan Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan mana-mana agensi kawal selia lain yang mempunyai bidang kuasa berkaitan isu ini serta meminta syarikat itu mengambil tindakan sewajarnya berkaitan pendedahan itu. CAP seterusnya mengumumkan perdagangan sahamnya mungkin digantung pada 8 Jun 2017 jika syarikat tidak mengemukakan laporan suku tahunan dan menghantar penyata kewangan yang tertunggak pada masa yang ditetapkan.

*[Sumber: Pengumuman CAP di laman web Bursa Malaysia pada 26 Mei 2017 dan 1 Jun 2017]*

### ***XINGQUAN INTERNATIONAL SPORTS HOLDINGS LIMITED (“XINGQUAN”)***

Xingquan mengumumkan mereka tidak dapat mengemukakan Keputusan Suku Ketiga kepada Bursa Malaysia sebelum 31 Mei 2017 (“Tempoh Masa”) seperti yang dikehendaki di bawah Perenggan 9.22 (1) Syarat Penyenaraian Pasaran Utama (“MMRLR”). Xingquan memaklumkan sekiranya syarikat itu

gagal mengemukakan Keputusan Suku Ketiga yang tertunggak dalam tempoh lima (5) hari pasaran selepas tamat Tempoh Masa yang ditetapkan (hari terakhir dari tempoh lima (5) hari pasaran, dirujuk sebagai “Tarikh Akhir Penggantungan”), selain daripada apa-apa tindakan penguatkuasaan yang mungkin diambil oleh Bursa Malaysia, perdagangan sekuriti Xingquan juga akan digantung. Penggantungan itu akan dilaksanakan pada hari pasaran selepas Tarikh Akhir Penggantungan, iaitu 8 Jun 2017, dan akan ditarik balik pada hari pasaran berikutnya selepas penyerahan Keputusan Suku Ketiga yang tertunggak, melainkan mengikut ketentuan Bursa Malaysia.

[Sumber: Pengumuman Xingquan di laman web Bursa Malaysia pada 1 Jun 2017]

**KOMEN MSWG:**

Sejak beberapa bulan kebelakangan ini, kami perhatikan ada beberapa perkara yang tidak kena dan tadbir urus korporat yang kucar kacir dalam syarikat-syarikat China yang disenaraikan di Bursa Malaysia semakin menggusarkan pelabur. Perkara ini menyebabkan saham syarikat-syarikat China merudum dan merugikan pelabur mereka.

Sesetengah syarikat yang beribu pejabat di China ini tidak dapat mengeluarkan laporan suku tahunan dan laporan audit masing-masing. Oleh itu perdagangan sekuriti syarikat mereka berdepan penggantungan, contohnya Multi Sports Holdings Ltd, CAP dan Xingquan. Ada juga syarikat yang kehilangan wang tunai dalam jumlah yang besar akibat kerugian luar biasa (Xingquan) atau dikategorikan sebagai syarikat PN17 selepas mengalami kerugian yang besar (Maxwell International Holdings Berhad).

Walaupun kami sudah membuat rayuan kepada pengawal selia kita untuk mengkaji isu ini secara serius, kami sekali lagi melihat skandal perakaunan yang melibatkan CAP, sebuah syarikat beribu pejabat di China. Kami berharap pihak berkuasa sentiasa berwaspada dalam mengenal pasti penyelewengan iaitu sama ada syarikat-syarikat China ini melakukan penipuan, melalui petanda seperti harga saham yang merudum teruk, pendapat bersyarat oleh juruaudit, perletakan jawatan pengarah bebas, ketidakhadiran berterusan pengarah eksekutif utama dalam mesyuarat pemegang saham dan tidak patuh kepada garis masa untuk penyerahan laporan kewangan.

---

**TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 5 HINGGA 9 JUN 2017**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my).

<b>Tarikh &amp; Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Lokasi</b>
06.06.17 (Selasa) 10.30 pagi	Malaysian Resources Corp. Bhd (AGM)	Hotel Istana Kuala Lumpur City Centre, KL
08.06.17 (Khamis) 02.30 petang	Oriental Holdings Bhd (AGM)	Sri Mas Ballroom, Level 4, Bayview Hotel Georgetown Penang, 25A Farquhar Street, Pulau Pinang
08.06.17 (Khamis) 02.30 petang	Vivocom Intl Holdings Bhd (AGM)	Tower A, M Hotels, Hock Lee Centre, Jalan Datuk Abang Abdul Rahim, Kuching, Sarawak
09.06.17 (Jumaat) 10.00 pagi	Per maju Industries Bhd (AGM)	Hyatt Regency Kinabalu, Jalan Datuk Salleh Sulong, Kota Kinabalu, Sabah
10.06.17 (Sabtu) 11.00 pagi	KPS Consortium Bhd (AGM)	Klang Executive Club, Persiaran Bukit Raja 2, Bandar Baru Klang, Klang

**Perkara penting untuk diajukan:**

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Malaysian Resources Corp. Bhd (AGM)	<p>Penyata Pengerusi melaporkan strategi Lembaga Pengarah sebahagian besarnya ditumpukan kepada pembangunan berorientasikan transit yang merangkumi 78% daripada nilai pembangunan kasar (“GDV”) atau RM38.4 bilion, dan ke atas pembangunan bandar yang terdiri daripada bangunan tinggi yang dibuat mengikut tempahan.</p> <p>(i) Bagaimanakah Lembaga Pengarah mengimbangi strategi dan fokus yang optimum untuk mencapai keuntungan dan pendapatan yang mampan sebagai Pemaju Berorientasikan Transit dan Pemaju Bangunan yang dibuat mengikut tempahan?</p> <p>(ii) Memandangkan sumbangan daripada pelaburan dan pembangunan hartanah mencecah hampir 55% daripada pendapatan Kumpulan, bagaimanakah Lembaga Pengarah menilai sumbangannya dari segi peratusan untuk tempoh 2 hingga 3 tahun akan datang? Ini adalah kerana aktiviti pembangunan hartanah Kumpulan disokong oleh 410.7 ekar tanah bandar dengan GDV dianggarkan melebihi RM50 bilion.</p>
Oriental Holdings Bhd (AGM)	<p>Segmen Automotif di Malaysia mencatatkan penurunan dalam unit jualan sebanyak 12.8% (Tahun kewangan (TK)2016: 10,649 unit; TK2015: 12,217 unit) sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga kereta baharu sejak Januari 2016 serta kelembapan dalam keadaan pasaran keseluruhan yang menyebabkan pengguna lebih berhati-hati dalam berbelanja.</p> <p>Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk meningkatkan prestasi Bahagian Automotif di Malaysia dalam keadaan pasaran semasa?</p>
Vivocom Intl Holdings Bhd (AGM)	<p>Bagi tahun kewangan berakhir 2016, Kumpulan mencatatkan perolehan berjumlah RM365.9 juta, meningkat RM268 juta dari TK2015. Pendapatan yang lebih tinggi ini disebabkan oleh penyatuan keputusan segmen Aluminium dan Pembinaan. Dua segmen ini menunjukkan prestasi yang baik serta berjaya mendapatkan pelbagai projek besar dalam TK 2016, seterusnya menyediakan peluang perniagaan kepada Kumpulan untuk tempoh 2-3 tahun akan datang.</p> <p>(i) Apakah tempahan pesanan semasa Kumpulan bagi segmen Pembinaan dan Aluminium?</p> <p>(ii) Bolehkah Lembaga Pengarah kongsi projek semasa yang sedang dilaksanakan bagi kedua-dua segmen di atas?</p>
Permaju Industries Bhd (AGM)	<p>Laporan Tahunan melaporkan “Walaupun sudah berusaha sehabis baik, Kumpulan masih mengalami kerugian selepas cukai dalam tahun kewangan semasa, iaitu RM10.97 juta, berikutan pendapatan yang lebih rendah sebanyak RM74.69 juta”.</p> <p>Kumpulan terus mencatatkan kerugian selepas cukai sejak 2007 walaupun Lembaga Pengarah sudah mengambil langkah meningkatkan prestasi Syarikat.</p> <p>(i) Apakah tindakan yang diambil oleh Lembaga Pengarah dan mengapa ia tidak membantu meningkatkan prestasi Syarikat?</p> <p>(ii) Apakah perancangan Lembaga Pengarah untuk meningkatkan prestasi</p>

**Perkara penting untuk diajukan:**

Kumpulan memandangkan langkah yang diambil sebelum ini gagal memberikan hasil yang positif?

---

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat [farisyusof@mswg.org.my](mailto:farisyusof@mswg.org.my)

---

### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
- 

### Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.